

18/08/1999

Mahathir, Rongji bincang kukuhkan hubungan dagang

Mustapa Omar in Beijing

BEIJING, Selasa - Lawatan rasmi tiga hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke China mulai esok akan membolehkan kedua-dua negara bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala dan kepentingan bersama rantau ini.

Pertemuan Perdana Menteri dengan rakan sejawatnya, Zhu Rongji, petang esok akan dapat memperkukuhkan lagi hubungan erat Malaysia-China, terutama dalam bidang ekonomi dan sosial.

Kedua-dua pemimpin juga dijangka membincangkan pelbagai isu, termasuk usaha meningkatkan perdagangan dan pelaburan kedua-dua negara selaras dengan proses pemulihan ekonomi Malaysia sekarang.

Antara isu dua hala yang akan dibincangkan ialah mengenai pembukaan pejabat Konsulat Jeneral baru di Shanghai, projek-projek usahasama dalam bidang automobil serta palpa dan kertas.

Lawatan Dr Mahathir kali ini disertai beberapa menteri Kabinet dan usahawan tempatan adalah sempena sambutan 25 tahun hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Hubungan rasmi Malaysia-China dimeterai di sini pada 31 Mei 1974 antara Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri ketika itu dan mendiang Chou En-Lai, Perdana Menteri China pada masa itu.

Selain itu, Dr Mahathir dan Rongji juga dijangka membincangkan kemungkinan meluaskan lagi pembabitan sektor kewangan kedua-dua negarabagi mengukuhkan hubungan perniagaan sedia ada.

Beberapa bank Malaysia menunjukkan minat untuk meluaskan kegiatan di China, manakala Bank of China pula sudah menyatakan hasrat untuk membuka cawangan di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, perkara itu perlu perbincangan teliti kerana Malaysia sebelum ini sudah memutuskan tidak akan mengeluarkan lesen baru perbankan. Pada masa ini ada 13 bank asing beroperasi di Malaysia.

Mengenai isu serantau, Dr Mahathir dan Rongji dijangka membincangkan isu mengenai tuntutan bertindih terhadap Kepulauan Spratly, yang hangat dibincangkan pada Mesyuarat Menteri-Menteri Asean (AMM) di Singapura, baru-baru ini.

Malaysia dan China bertegas tidak mahu isu Kepulauan Spratly, terutama kod tatalaku mengenai Laut China Selatan dibincangkan dalam mesyuarat Asean itu bagi mengelakkan ia daripada membabitkan pihak ketiga.

Kedua-dua negara menganggap isu itu sepatutnya hanya dibincang dalam bentuk hubungan dua hala atau pelbagai hala di kalangan enam negara yang menuntut kedaulatannya dan bukan di meja rundingan Asean atau dengan rakan dialognya.

Selain Malaysia dan China, empat negara lain terbabit dalam pertikaian itu ialah Filipina, Vietnam, Brunei dan Taiwan. China dan Taiwan bukan negara anggota Asean.

Dr Mahathir juga akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Jiang Zemin pada Khamis ini sebelum menyampaikan ucapan bertajuk 'Hubungan Malaysia-China: Cabaran dan Peluang Pada Abad ke-21' pada Forum Malaysia-China anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Perdana Menteri juga akan menghadiri jamuan makan malam bagi menyambut ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China yang dijangka dihadiri pemimpin dan usahawan kedua-dua negara.